

UNISSA terima karya seni kaligrafi Islam



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan) menyampaikan cenderamata daripada pihak UNISSA kepada Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Menyerahkan Karya Seni Kaligrafi Islam kepada UNISSA.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Ogos. - Seni Kaligrafi Islam atau Arab adalah amalan artistik penulisan yang selalunya berasaskan bahasa Arab atau ayat-ayat suci Al-Quran. Ia berkemungkinan merupakan seni Islam paling dihormati dengan menggabungkan bahasa, agama

dan usaha seni. Perkara tersebut dijelaskan oleh Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Menyerahkan Karya Seni Kaligrafi Islam kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA), berlangsung di perpustakaan universiti berkenaan. Menurut beliau, reproduksi kaligrafi asli yang terpilih itu adalah daripada Perpustakaan Rampur Raza, India, yang menempatkan lebih 3,000 kaligrafi, lukisan dalam bentuk miniatur dan manuskrip. Beliau berkata, India mempunyai tradisi kuno dalam

hiasan artistik dan ukiran batu serta estetik, antaranya ditunjukkan dalam muzik, tarian dan tekstilnya. Tambahnya, kedatangan tradisi Islam ke India memulakan proses integrasi di antara dua tradisi tersebut, di mana seni, muzik dan budaya berkenaan, termasuk Kaligrafi Islam berkembang pada zaman Mughal. Pada majlis tersebut, PYT Nagma

M. Mallick menyempurnakan penyerahan sebanyak 38 karya seni kaligrafi Islam kepada UNISSA. Terdahulu, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dalam ucapan alu-aluannya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam atas sumbangan karya seni berkenaan.



Dompet pembayaran elektronik bawa tuah kepada BruPay

ANGGEREK DESA, Isnin, 27 Ogos. - BruPay Sdn. Bhd. berjaya merebut tempat pertama bagi produknya, iaitu dompet pembayaran elektronik. BruPay

Sdn. Bhd. juga akan mempamerkan solution Fintech mereka semasa di Singapore Fintech Festival yang akan datang. Mereka akan diberikan peluang untuk menyertai Innovation Lab Crawl, yang mana lebih daripada 20 institusi kewangan di Singapura akan mengunjunginya bagi

mengetahui solution-solution Fintech yang terkini. Terdahulu, WasapPay Enterprise, Jana Modal Ethis, Chynge Sdn. Bhd. dan BruPay Sdn. Bhd. menghuraikan pembentangan solution Fintech masing-masing kepada panel hakim pada Jerayawara Singapore Fintech Festival (SFF) dan PitchFest yang diadakan di Bangunan Design and Technology (D&T), di sini. Panel hakim terdiri daripada Ketua Fintech Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Haji Mohammad Khairul Zaki bin Haji Mohiddin; Pengarah Fintech and Innovation Group, Monetary Authority of Singapore (MAS), Roy Teo; Naib Pengerusi, Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB), Awang Abdul Razak bin Abdul Malek; Pengarah, Risk Assurance (Governance, Risks and Controls) Pricewaterhouse Coopers (PwC), Andrew Bronshtein dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Darussalam Enterprise (DARE), Daniel Leong

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

Nyuk Ming, Jerayawara dan PitchFest merupakan salah satu daripada segmen di bawah SFF bagi Tahun 2018, yang selaras dengan inisiatif Singapura untuk menentang perkembangan Fintech dan menyediakan sebuah platform bagi mempamerkan solution Fintech yang inovatif dari negara-negara ASEAN semasa ASEAN Fintech Showcase, yang mana salah satu elemen baharu yang diperkenalkan pada festival tahun ini. Pada acara tersebut, sebuah panel yang dikendalikan oleh Andrew Bronshtein dari PwC, turut menyentuh mengenai peluang-peluang Fintech di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura yang juga dibincangkan oleh wakil-wakil dari AMBD, BAB, DARE dan NETS. Ia diadakan oleh AMBD dengan kerjasama MAS, BAB dan DARE dan anjuran daripada PwC.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Warisan' - Tarikh Tutup : 1 September 2018.
- 2) 'Belia' - Tarikh Tutup : 15 September 2018.
- 3) 'Tasik' - Tarikh Tutup : 29 September 2018

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



SEBAHAGIAN daripada jemputan yang hadir pada majlis tersebut.